



GARIS PANDUAN PROGRAM UPSI GLOBAL

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI
BIL.18/2017
19 OKTOBER 2017**

GARIS PANDUAN PROGRAM UPSI GLOBAL

1.0 Latar Belakang

UPSI Global adalah satu program lawatan kerja ke luar negara yang bertujuan untuk memberi pendedahan secara Global kepada semua staf (Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana) di UPSI untuk tempoh lima tahun sekali. Program ini akan diuruskan oleh Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia.

Seramai minimum 10 orang staf daripada Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan akan dipilih untuk mengikuti program ini.

Program ini telah diumumkan kepada semua kakitangan dalam Majlis Amanat Naib Canselor 2017 pada 18 April 2017 yang lalu.

2.0 Objektif Program

Objektif Program UPSI Global ini adalah seperti berikut:

- a. Menambah pengetahuan dan pendedahan di peringkat antarabangsa kepada staf.
- b. Memberi insentif dan motivasi kepada staf untuk berkhidmat lebih cemerlang dan setia kepada organisasi
- c. Mewujudkan jaringan kerjasama di peringkat Global antara UPSI dan universiti/agensi yang dilawati.

3.0 Maklumat Program

3.1 Kriteria Peserta Program

Staf dari Kumpulan P&P serta Kumpulan Pelaksana akan dikenalpasti untuk mengikuti Program UPSI Global ini syarat penyertaan seperti berikut ;

- a) Warganegara Malaysia; (baharu)
- b) Berjawatan tetap dan disahkan dalam jawatan;
- c) Telah berkhidmat di UPSI sekurang – kurangnya tiga tahun; (baharu)
- d) Mendapat markah LNPT terkini sekurang – kurangnya 80%;
- e) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- f) Bebas daripada tindakan dan siasatan tatatertib serta dakwaan mahkamah;
- g) Berumur tidak melebihi 55 tahun; (baharu)
- h) Tidak terikat dalam tempoh mana – mana ikatan perjanjian di UPSI; (baharu)
- i) Lawatan berkumpulan minimum seramai 10 orang yang terdiri daripada kombinasi pelbagai skim / gred;
- j) Keanggotaan kumpulan lawatan boleh terdiri daripada pusat tanggungjawab yang sama atau berbeza;
- k) Setiap staf hanya boleh mengikuti program ini sebanyak sekali dalam tempoh lima tahun;

3.2 Tempat Lawatan

Staf boleh memilih lokasi institusi yang hendak dilawati. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Penilai UPSI Global boleh menentukan lokasi berdasarkan fokus dan kesesuaian program.

3.3 Tempoh Program

Tempoh yang dibenarkan adalah diantara **7 hingga 10 hari** merangkumi perjalanan pergi dalam pulang, tertakluk kepada kelulusan daripada **Jawatankuasa Penilai UPSI Global**.

3.4 Pengisian Program

Fokus program akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilai UPSI Global. Antara fokus yang boleh dipertimbangkan adalah pengantarabangsaan, pengurusan majlis / program, pengurusan projek dan lain – lain yang difikirkan sesuai dan dapat membantu memperkasakan pengurusan dan perkhidmatan di UPSI.

4.0 Permohonan dan Kelulusan

- 4.1 Permohonan akan dibuat secara atas talian (*online*) dalam MyUPSI Portal. (baharu)
- 4.2 Permohonan program perlu dikemukakan kepada Unit Latihan, BSM tidak kurang dari 2 bulan dari tarikh program bermula dengan menyertakan surat tawaran penempatan (diuruskan sendiri oleh pemohon).
- 4.3 Pegawai / wakil delegasi yang telah mengemukakan permohonan dan memenuhi syarat akan dipanggil untuk sesi temuduga / temubual oleh Panel Jawatankuasa Penilai Program. (baharu)
- 4.4 Penempatan program ini hendaklah melibatkan agensi yang berkaitan dengan bidang tugas dan kepentingan Universiti. Penempatan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pelaksana Program Sangkutan dan keputusan adalah muktamad.
- 4.5 Kelulusan mengikuti program ini adalah tertakluk kepada Pekeliling Kerajaan dan Peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri dari semasa ke semasa. Pemohon mestilah mematuhi prosedur permohonan kebenaran ke luar negara yang sedang berkuatkuasa.
- 4.6 Pemohon dikehendaki mengisi Permohonan Bertugas Di Luar Stesyen sepanjang tempoh menjalani program ini.

5.0 Jawatankuasa Penilai Program UPSI Global

Satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk memperakukan permohonan staf UPSI mengikuti program ini dengan keanggotaan seperti berikut :

- Pengerusi : Pendaftar
- Ahli : Ketua Timbalan Pendaftar, BSM
- : Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat
- Timbalan Bendahari Kanan, Jabatan Bendahari
- Urus setia : Unit Latihan, BSM

6.0 Kewangan

- 6.1 Staf yang menjalani program ini akan diberi peruntukan maksimum RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) seorang dan bayaran akan dibuat selepas mendapat kelulusan program.
- 6.2 Sekiranya kos keseluruhan program melebihi RM1,000.00 yang diberikan, adalah menjadi tanggungjawab staf untuk menggunakan peruntukan sendiri.
- 6.3 Kumpulan dibenarkan untuk menjana pendapatan bagi membiayai kos tanpa mengabaikan tugas, tanggungjawab harian serta prestasi kerja.
- 6.4 Kumpulan wajib mengambil perlindungan insuran sebelum melaksanakan program lawatan kerja ini menggunakan peruntukan sedia ada atau sendiri.

7.0 Perubahan Tarikh Program

Sekiranya berlaku perubahan tarikh program, pegawai yang diluluskan menjalani program ini hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada urus setia Program UPSI Global.

8.0 Penarikan Diri

Pegawai yang telah diluluskan untuk mengikuti program **tidak dibenarkan** untuk menarik diri atau tidak hadir ke program berkenaan tanpa sebarang alasan kecuali dengan kebenaran khas Pendaftar. Sekiranya pemohon telah mendahulukan bayaran bagi kos-kos yang terlibat, bayaran tersebut tidak akan dibayar semula oleh pihak universiti kecuali atas sebab-sebab khas yang mendapat kelulusan Pendaftar.

9.0 Tanggungjawab Selepas Program

Staf yang mengikuti program ini bertanggungjawab untuk :

- 9.1 Mengemukakan laporan lengkap mengenai program beserta cadangan *best practises* **dua minggu** sekembali daripada program.
- 9.2 Menghasilkan video pendek mengenai program.
- 9.3 Mengadakan sesi perkongsian ilmu kepada staf di jabatan / persatuan dalam tempoh **satu bulan** selepas menamatkan program

10.0 Peruntukan Am

- 10.1 Peserta adalah bertanggungjawab menjaga nama baik UPSI dan mematuhi undang – undang serta peraturan yang berkuatkuasa di kedua – dua buah negara.
- 10.2 Peserta juga bertanggungjawab untuk mempromosikan UPSI secara ringkas semasa program berlangsung.

11.0 Peruntukan Kewangan

Program ini akan menggunakan peruntukan Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia.